

Kita kena cekap, lincah: PM

» Bina gabungan negara maju, membangun hadapi cabaran masa depan

Oleh Faiza Zainudin
faiza@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak berkata, gabungan paling berkesan menghadapi cabaran masa depan adalah yang membolehkan negara maju dan membangun.

Serentak itu, Perdana Menteri berkata, Malaysia perlu cekap dan lincah dalam membina dan menyertai gabungan berkenaan serta mengajak pihak lain berkongsi minat sama-sama menjayakannya.

Beliau berkata, pada masa yang sama, negara ini juga perlu memainkan peranan sebagai pemimpin dalam lingkungan platform yang dikongsi bersama untuk menangani masalah pelbagai hala.

“Kewujudan badan dasar luar negara yang lebih kukuh di Malaysia, yang menghimpunkan kumpulan pemikir, kursi akademik dan yayasan, akan dapat mengukuhkan lagi kedudukan kita dalam usaha membina gabungan ke arah mewujudkan perubahan

“Aliran global dan serantau

“
Aliran global dan serantau memerlukan diplomasi negara untuk sesuaikan diri dengan tekanan, peluang alaf baharu”

Najib Razak,
Perdana Menteri



Najib bersalaman dengan peserta sambil diperhatikan Anifah dan Hamzah selepas **Persidangan Ketua-Ketua Perwakilan Malaysia Ke-8 di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar**, di Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO YAZIT RAZALI/BH]

memerlukan diplomasi negara untuk menyesuaikan diri dengan tekanan dan peluang alaf baharu,” katanya pada ucap tama keti-

ka merasmikan Persidangan Ketua-Ketua Perwakilan Malaysia Ke-8 di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar di sini, semalam.

Turut hadir, Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman dan timbalannya, Datuk Hamzah Zainudin.

Tumpu sumber mencukupi
Najib berkata, negara jarang bertindak secara berseorangan tetapi peranannya memberikan kesan besar, sistemik sama ada dalam kumpulan kecil atau melalui ins-

titusi antarabangsa.

“Menjelang 2020, Malaysia akan menjadi negara maju dengan kepentingan tersebar luas dan berkembang. Masyarakat antarabangsa dan rakyat kita sendiri mengharapkan negara mengambil bahagian.

“Oleh itu, kita perlu menumpukan sumber mencukupi untuk mengukuhkan hubungan dua hala dengan jiran kita dan terus menghargai ASEAN sebagai titik tumpuan keamanan, kemakmuran dan kestabilan rantau ini,” katanya.

Perdana Menteri berkata, pembuat dasar, diplomat dan ahli masyarakat mempunyai tanggungjawab untuk bertindak balas terhadap perubahan sekeliling menerusi transformasi sendiri, termasuk mempunyai dasar luar yang membantu Malaysia menghadapi 2020.

Dasar luar negara kekal

Najib yang juga Menteri Kewangan turut menegaskan dasar luar negara masih kekal meskipun ekonomi negara terus berkembang.

Sebagai negara perdagangan, beliau berkata, Malaysia bergantung kepada laluan laut terbuka, keamanan dan institusi teguh yang menggalakan undang-undang antarabangsa dan menyokong norma antarabangsa.

“Ketika kita meningkatkan rangkaian nilai dan menghasilkan lebih banyak modal insan intelektual, barang dagangan kita dagangkan berubah menerusi kehadiran integrasi ekonomi serantau, begitu juga kaedahnya, namun dasar luar kita tetap sama. Diplomasi Malaysia dibentuk tiga faktor utama – pergantungan kepada perdagangan, lokasi strategik dan demografi,” katanya.